

SOALAN NO. :

**DEWAN NEGARA MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN (KAMAR KHAS)**

PERTANYAAN : KAMAR KHAS

DARIPADA : ONG KIAN MING (SERDANG)

TARIKH : 3 OGOS 2017

SOALAN:

Dalam ucapan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di *High-Level Segment* di Persidangan Konvensyen Kerangka Perubahan Iklim Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Framework convention on Climate Change (UNFCCC) yang ke-21 (21st Conference of the Parties - COP21), Menteri menyentuh tentang komitmen Malaysia memelihara hutannya sebagai sektor penting dalam menangani masalah perubahan iklim. Dalam ucapan tersebut, Menteri juga menggunakan istilah 'zero net deforestation and degradation' ketika mengesahkan bahawa Malaysia akan mengekalkan jumlah kawasan hutan dan litupan pokok sebanyak 50%.

Memandangkan istilah tersebut merupakan satu konsep baru dalam dasar pengurusan hutan Negara, saya meminta Menteri memberikan penjelasan apakah implikasi pemakaian konsep tersebut ke atas:

1. kesejahteraan hutan Negara;
2. komitmen Malaysia dalam mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau daripada sektor perhutanan.

Adakah komitmen Kementerian disokong oleh dasar yang sedia ada. Adakah Dasar Perhutanan Nasional 1992 akan dikaji semula memandangkan bahawa dasar ini tidak menyentuh komitmen 'zero net deforestation and degradation.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan terma 'zero net deforestation and degradation' adalah konsisten dengan kesejahteraan hutan dan komitmen Negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) melalui sektor perhutanan. Dalam masa yang sama, terma tersebut juga selari dengan komitmen kerajaan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan hutan dan liputan hijau sepertimana yang diumumkan semasa Rio Earth Summit 1992 di Paris sewaktu COP 21, YBM menegaskan sekali lagi komitmen untuk mengekalkan sekurang- kurangnya 50% jumlah kawasan hutan dan liputan pokok

Pada masa ini, Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) sedang dikemas kini dengan mengambil kira semua pekara yang berkaitan mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.